

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 11.03.2022 MASA: 8.30AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
PUSPANITA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI KALI  
KE-23 TAHUN 2022

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**11 MAC 2022 (JUMAAT)  
9.00 PAGI**

**SECARA DALAM TALIAN DI FACEBOOK RASMI PUSPANITA MBSP  
DEWAN KENANGA  
MENARA MBSP**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu secara bersua muka dan atas talian dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai Kali Ke-23 Tahun 2022 yang menjadi platform untuk melakar strategi dan halatuju PUSPANITA MBSP. Saya selaku Datuk Bandar Seberang Perai ingin mengucapkan terima kasih kepada PUSPANITA kerana sudi menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha Puan Noriza binti Yusoff, Timbalan Pengerusi II PUSPANITA Negeri Pulau Pinang kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama dengan PUSPANITA MBSP di Majlis Perasmian pada pagi Jumaat yang merupakan Sayyidul Ayyam.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas kehadiran Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan, sebagai

tanda sokongan dalam mengukir kecemerlangan untuk PUSPANITA. Sesungguhnya, ini jelas memperlihatkan keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan yang tidak hanya memberatkan kepentingan tugas di pejabat, malah turut menyokong pembangunan kerjaya penjawat awam wanita dengan melengkapkan sahsiah mereka dari aspek intelektual, fizikal mahupun spiritual melalui aktiviti berpersatuan. Sokongan padu ini pastinya amat bermakna kepada PUSPANITA.

Di samping itu, saya juga ingin merakam setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada barisan Ahli Jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan Majlis ini dan semua ahli-ahli & suri-suri PUSPANITA yang meluangkan masa untuk sama-sama hadir di dalam Dewan Kenanga ini dan yang bersama kita secara siaran langsung di Facebook. Semoga komitmen dan kesungguhan yang dipamerkan oleh puan-puan pada hari ini, menjadi pembakar semangat kepada barisan Ahli Jawatankuasa untuk bergiat aktif dan memacu PUSPANITA MBSP mara ke hadapan.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia atau lebih dikenali sebagai PUSPANITA adalah sebuah pertubuhan yang

*relevant* dan penting berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan lain kerana persatuan ini ditubuhkan hasil buah fikiran Perdana Menteri Malaysia Keempat pada 1 Mac 1983. Persatuan ini terdiri daripada ahli-ahli dari kalangan kakitangan wanita dan pasangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Penubuhan PUSPANITA merupakan salah satu detik sejarah dalam pembangunan wanita di negara kita yang mana memberi sokongan dan sumbangsan positif terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam pembangunan negara, melalui kerja-kerja amal bakti. Di samping itu, PUSPANITA juga menganjurkan pelbagai aktiviti berbentuk pengetahuan, keusahawanan, sukan, kesihatan, keterampilan dan kekeluargaan untuk meningkatkan kefahaman di bidang-bidang berkenaan serta membantu ahli-ahli dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam. PUSPANITA akan terus memainkan peranan dan tanggungjawab dalam menjayakan usaha-usaha kerajaan memperkasakan peranan wanita.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Seperti yang kita semua sedia maklum, Pandemik Covid-19 merupakan satu ujian yang besar buat kita semua selama lebih dua (2) tahun. Namun,

saya yakin kemajuan teknologi ICT pada hari ini mampu menyatukan kita semua melalui platform atas talian. Mekanisme yang dilaksanakan oleh PUSPANITA MBSP membolehkan semua ahli dan suri dapat turut serta walau di mana mereka berada.

Saya difahamkan PUSPANITA MBSP mempunyai keahlian berjumlah 623 orang dan tahniah diucapkan kerana turut difahamkan mempunyai keahlian tertinggi di kalangan agensi-agensi peringkat Negeri Pulau Pinang. Tahniah sekali lagi kepada PUSPANITA MBSP kerana telah mendapat tempat ketiga Kategori Agensi Aktif Dalam Penganjuran Aktiviti PUSPANITA Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 2021.

Keperluan berpersatuan adalah selari dengan kehendak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melihat lebih ramai kaum wanita bangkit mengorak langkah menerajui tampuk pentadbiran setanding dengan kaum lelaki. Selaras dengan visi Penang 2030 yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dasar Keterangkuman Gender diwujudkan untuk memperkasakan kesaksamaan gender tanpa mengira etnik, agama dan status sosio-ekonomi.

Justeru, di kesempatan ini ingin saya menyeru semua AJK Induk PUSPANITA memahami dan mengadaptasikan komponen Penang 2030 dan *Sustainable Developments Goals (SDG) 5: Gender Equality & Women's Empowerment* dan SDG 11: *Sustainable Cities & Communities* dalam semua penganjuran program PUSPANITA MBSP.

Perkongsian ilmu sesama ahli, cetusan idea yang kreatif dan inovatif, serta semangat berpasukan yang tinggi yang ditonjolkan oleh ahli-ahli PUSPANITA sememangnya menjadi aset utama untuk diaplikasikan di dunia luar. Apa sahaja nilai positif di dalam persatuan tidak salahnya diterapkan semasa waktu bekerja. Saya sebagai Penasihat PUSPANITA MBSP, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk sentiasa mengingatkan agar pengurusan PUSPANITA MBSP sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan penuh integriti bagi Ahli Jawatankuasa Induk yang dilantik.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya ingin menyeru lagi kepada kakitangan dan pegawai lelaki di MBSP agar mendaftarkan isteri mereka sebagai Ahli dan Suri PUSPANITA. Tanpa kita sedari banyak faedah yang diperolehi setelah menjadi Ahli PUSPANITA MBSP. Antara faedah yang diterima ahli PUSPANITA MBSP

ialah diskaun untuk yuran Taska PUSPANITA MBSP, kebajikan Ahli PUSPANITA seperti sumbangan kepada ahli yang terkesan akibat Covid-19, sumbangan khairat kematian ahli keluarga terdekat, sumbangan untuk *hospitalised, goodies raya* diberikan mengikut perayaan dan seterusnya sumbangan kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan.

Bagi warga kerja wanita di MBSP, saya percaya dalam urusan kerja seharian, puan-puan mempunyai banyak tugas yang hendak dilakukan. Namun, pekerja wanita perlulah menghadapi cabaran-cabaran dalam kerja dengan azam untuk memperbaiki lagi diri dan kerjaya dengan menjadi ahli pasukan PUSPANITA yang mampu menggerakkan perubahan serta melibatkan diri secara aktif dalam program dan aktiviti PUSPANITA. Dengan persekitaran dunia semasa yang berubah-ubah, saya ingin sarankan agar semua ahli untuk sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu dan keupayaan diri. Segala hasrat, perancangan dan aktiviti PUSPANITA juga mesti berdaya saing dan bercitrakan kreativiti dan inovasi.

PUSPANITA haruslah tampil ke hadapan dalam memastikan kelangsungan penglibatan ahli-ahli dalam menganjurkan program di MBSP mahupun menyertai program di peringkat negeri. Dari pemerhatian saya, program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini ternyata banyak memberi impak positif dan memenuhi objektif penubuhan PUSPANITA iaitu

untuk merapatkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan warga kerja wanita serta isteri-isteri kakitangan MBSP.

Saya dimaklumkan pada tahun 2021 PUSPANITA MBSP berjaya menganjurkan 21 program / aktiviti kepada ahli PUSPANITA MBSP. Tahniah diucapkan di atas usaha untuk penganjuran walaupun pandemik masih berlangsung. Program / aktiviti melalui PUSPANITA adalah salah satu medium untuk membina nilai integriti yang merupakan satu *ingredient* yang paling penting dalam mencapai tadbir urus yang cemerlang. Dalam sesebuah organisasi khasnya seperti MBSP kita tidak dapat lari daripada bergantung kepada integriti setiap daripada individu kerana integriti yang tinggi itulah yang akan menentukan jatuh bangun sesebuah organisasi. Begitu juga dengan persatuan, integriti itu adalah enjin penggerak dalam berpersatuan.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Selain PUSPANITA MBSP juga mempunyai persatuan yang lain seperti PERMAI, PESUKA, ANULAE, KOSPEMA yang sentiasa menjadi wadah perhubungan majikan pekerja. Kita telah dapat menyelesaikan banyak

masalah melalui meja rundingan, MBSP bertemu dengan wakil pekerja melalui Majlis Bersama Jabatan setiap tiga (3) bulan.

Kita semua sebagai penjawat awam harus menyedari bahawa cabaran kerja pada masa kini amat berbeza sekali berbanding cabaran pada masa lalu. Kini, rakyat atau *stakeholders* semakin hari semakin menuntut perkhidmatan yang lebih cepat, cekap, telus dan efektif. Kita perlu melaksanakan tugas dan amanah tersebut dengan penuh tanggungjawab dan berkesan. Adalah diharapkan bahawa warga kerja MBSP akan dapat sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat bagi memenuhi keperluan dan aspirasi mereka. Kita harus terus melengkapkan diri dengan kemahiran terkini (*emerging skills*) bagi memastikan kita dapat memberi perkhidmatan yang relevan dan berkualiti kepada rakyat.

Kejayaan sesebuah organisasi atau pertubuhan, tidak terletak hanya kepada kepimpinan sahaja. Setiap anggota memainkan peranan di dalam kejayaan sesebuah organisasi. Saya berharap agar ahli-ahli memberikan sokongan dan kerjasama kepada ahli jawatankuasa. Setiap ahli juga perlu memainkan peranan dengan memberikan cadangan yang positif kepada ahli jawatankuasa mengenai program atau aktiviti yang boleh mereka laksanakan. Semoga semangat kerja berpasukan akan dipupuk di kalangan

ahli PUSPANITA MBSP agar kita disegani. Saya berdoa semoga semua usaha puan-puan di masa akan datang mendapat kejayaan.

Saya amat mengharapkan agar semua kakitangan MBSP terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara serta menyokong dan menjayakan Wawasan Penang2030 dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*) dengan terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi.

Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada PUSPANITA, terutama kepada barisan tertinggi dan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA di atas kesungguhan dan komitmen dalam bersama-sama melaksanakan pelbagai aktiviti dan program. Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua hadirin pada hari ini. Juga, tahniah dan syabas kepada Pengurus PUSPANITA dan seluruh jawatankuasanya, serta ahli-ahli PUSPANITA atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan ini. Semoga semangat kekitaan dan talian persahabatan yang terjalin dalam PUSPANITA sentiasa diteruskan, dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita.

Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, suacitanya saya menyempurnakan perasmian “Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke 23 Tahun 2022”.

**Sekian. Terima Kasih**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh***